



JELAS terpancar kegembiraan dan kegemilangan di wajah para remaja ketika diberikan kesempatan untuk berinteraksi bersama rakan-rakan mereka yang kurang bernasib baik dari Pusat Bahagia, Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat, Pulauaie.

Bagi para remaja seramai 33 orang yang terdiri dari penuntut sekolah, peluang keemasan seperti itu mereka gunakan untuk berkenalan-kenalan, beriadah dan berekreasi agar rakan-rakan baru mereka itu tidak merasa tersisih dari masyarakat.

Program 'Bersama Orang-orang Bahagia' adalah merupakan salah satu aktiviti Khemah Belia anjuran Sukarelawan Belia Kebangsaan, Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan, bermula pada 5 Disember hingga 9 Disember, 1995 yang lalu ber-



tempat di Taman Rekreasi Hutan Bukit Shahbandar, Jerudong.

Melalui program seumpama itu sudah tentunya dapat memberi kesedaran para remaja dalam mewujudkan sifat penyayang dan penuh tanggungjawab terhadap orang-orang yang kurang bernasib baik.

Adalah menjadi harapan sikap pemedulian terhadap mereka yang cacat dan kurang bernasib baik di negara ini akan berterusan dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni dan

bersatu padu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah bahawa orang-orang yang kurang bernasib baik seperti orang-orang tua yang sudah lanjut usia, orang-orang cacat dan anak-anak yatim perlu mendapat perhatian yang bukan bermusim malahan pemedulian yang berterusan.

KHEMAH BELIA ASUHAN MINDA BELIA

MELALUI program seumpama itu sudah tentunya dapat memberi kesedaran para remaja dalam mewujudkan sifat penyayang dan penuh tanggungjawab terhadap orang-orang yang kurang bernasib baik.

OLEH BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR

"Dalam hal ini, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana masyarakat kita sentiasa memedulikan mereka yang kurang bernasib baik itu. Itu tandanya kita tetap memelihara dan mengamalkan sikap tidak 'camah mata' melihat orang-orang yang susah dan menderita disebabkan oleh sesuatu perkara yang di luar kendak mereka," titah baginda sempena Hari Raya Aidilfitri pada tahun 1989.

Antara lain tujuan penubuhan Sukarelawan Belia Kebangsaan ialah

untuk memberi khidmat bakti kepada masyarakat yang berasaskan kecintaan serta menanamkan semangat kerja sukarela.

Di samping itu ia juga adalah untuk membentuk para belia agar bertanggungjawab, berdisiplin dan seterusnya menjadi bakal pemimpin.

Selain itu, ia dihasratkan untuk memberi kesedaran kepada para belia demi menghasilkan rasa 'sense of belonging' (diri mereka dimiliki oleh

LIHAT MUKA 2





KREATIF Dalam kerja berkumpulan memerlukan kemahiran.



PARA peserta dan ahli-ahli jawatankuasa perkhemahan bersama-sama tetamu kehormat.

MENGASUH MINDA MENERUSI KHEMAH BELIA

Dari muka I

masyarakat) serta memberi dorongan positif.


Matlamat Sukarelawan Belia Kebangsaan, Daerah Brunei dan Muara mengadakan perkhemahan seumpama itu adalah untuk membentuk para remaja dan belia supaya berdisiplin, dedikasi dan berhemah tinggi. Di samping itu ianya juga adalah untuk melatih mereka dengan semangat kecekalan, keyakinan diri dan berani dalam menghadapi cabaran hidup.

Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Ismail bin Bahari ketika berucap selaku

tetamu kehormat di majlis penyampaian sijil dan penutupan rasmi perkhemahan tersebut antara lain berharap agar lebih ramai sukarelawan bergiat aktif dan sama-sama mengungayahkan program seumpama itu.

"Pihak jabatan akan sentiasa berganding bahu dalam sama-sama menganjurkan program yang bermanfaat yang dapat mengisi masa lapang para belia dengan kegiatan-kegiatan yang lebih dinamik dan bermakna," tegas beliau.

Aktiviti-aktiviti lain yang terkandung dalam perkhemahan lima hari itu termasuklah latihan kawad, pertolongan



DI SAMPING para remaja perempuan melakukan kerja memasak, para remaja lelaki juga tidak dikesualikan untuk melakukannya.

cemas, pelajaran ikatan dan hiking (merentas hutan).

Semua aktiviti yang

disusun sepanjang perkhemahan itu adalah bertujuan untuk menguji ketahanan diri dari segi

dapat disangkal lagi. Peranan mereka sangat penting dalam membangun bangsa dan negara khususnya terhadap pembangunan negara (nation building).

Bentuk dan nilai sebuah negara itu adalah bergantung kepada keadaan dan pendirian kaum belianya yang jujur, bersifat mulia dan bertanggungjawab.

Menurut perangkaan, belia merupakan golongan yang terbesar di negara ini. Justeru itu sudah semestinya para belia menandai, mendukung dan meningkatkan lagi sikap pemeduliaan, tolong-menolong dan tidak camah mata serta peka terhadap masyarakat sekeliling.


mental dan juga fizikal. Di samping itu para peserta juga telah berkesempatan mendengar ceramah dari Pusat Da'wah Islamiah dan Biro Kawalan Narkotik.

Penyertaan belia-belia di dalam program itu diharap akan berjaya membangun diri dan minda mereka bukan sahaja dari segi sikap, moral dan pemikirannya.

Penglibatan para belia di negara ini dalam kerja kebajikan dan kemasyarakatan memang tidak

Tenaga belia yang cerdas, aktif dan berdaya cipta hendaklah diberikan peluang supaya mereka dapat mencurahkan bakti ke atas tanahair sendiri dengan sepenuhnya bagi membangun dan memajukan masyarakat yang harmoni.

Semogalah penglibatan para belia dalam kerja-kerja sukarela itu nanti akan dapat membentuk dan mencorak rasa tanggungjawab di dalam mencurahkan sumbangan bakti kepada bangsa dan negara.



PENUH semangat Latihan kawad dapat melatih para peserta sentiasa berdisiplin.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

Sambungan minggu lepas

MASALAH YANG SEDANG DIHADAPI.

MASALAH seterusnya ialah, pegawai-pegawai Mahkamah Kadi dilantik tanpa diberi latihan khusus (professional) di bidang pentadbiran undang-undang dan kehakiman Islam. Mereka semasa dilantik tidak didedahkan kepada kursus dan latihan mengenai pentadbiran undang-undang dan kehakiman Islam, mereka tidak terdedah kepada pengendalian percaraan. Apabila mereka dilantik bagi jawatan-jawatan tersebut, tentu sahaja

mereka akan menghadapi kesukaran dan masalah di dalam menjalankan tugas.

Mereka juga dilantik menjadi pegawai-pegawai Mahkamah Kadi tanpa didedahkan kepada sistem perundangan Negara Brunei Darussalam dan latar belakangnya, sedangkan perkara ini adalah penting di dalam memahami kehendak Undang-undang Agama dan Mahkamah Kadi 1955, Negara Brunei Darussalam.

Peruntukan Seksyen 57 (1) (2) dan (3) juga telah menjadikan undang-undang keterangan yang sedang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam dijadikan rujukan dan diambil kira dan diumumkan oleh Mahkamah Kadi. Peruntukan berbunyi: "...the court shall have regard to the law of evidence for the time being applicable to the supreme and Magistrates' courts of Brunei and shall be guided by the principles thereof, but shall not be obliged to apply the same strictly."

Untuk memenuhi kehendak peruntukan di atas, seseorang pegawai Mahkamah Kadi itu hendaklah mahir di dalam undang-undang keterangan Brunei, kerana ianya perlu dirujuk, diambil kira dan diamalkan walaupun tidak seketat-ketatnya, ianya hendaklah mampu merujuk kepada kes-kes yang bersangkutan dengan undang-undang tersebut terutama kes-kes penting sebagai panduan di dalam mentadbirkannya.

Kedua-dua perkara ini tidak akan dapat dilakukan dengan baik kerana mereka tidak diajar dan dilatih dengan undang-undang tersebut dan kes-kes yang bersangkutan dengannya. Tambahan pula undang-undang dan kes-kes tersebut adalah di dalam bahasa Inggeris. Ini menambahkan lagi masalah yang telah sedia rumit.

Peruntukan Seksyen 57 (1) juga telah menegaskan bahawa Undang-undang Keterangan Mahkamah Kadi hendaklah berdasarkan undang-undang Islam dari segi bilangan saksi, taraf dan mutu keterangan yang dikehendaki di dalam sesuatu percaraan. Peruntukan berbunyi: "The court shall observe all provisions of Muslim Law relating to the number, status or quality of witnesses or evidence required to prove any facty."

Dengan adanya peruntukan seperti di atas, peguam-peguam yang hadir di Mahkamah Kadi juga menghadapi masalah. Mereka pada umumnya bukanlah pakar atau terlatih di dalam undang-undang Islam khususnya undang-undang keterangan Islam, sedangkan kehadiran mereka di Mahkamah Kadi adalah dibenarkan oleh undang-undang dan diperlukan oleh pelanggan-pelanggan mereka.

Di samping itu peguam-peguam tersebut perlulah menguasai bahasa Arab kerana perancangan mendalam mengenai undang-undang keterangan Islam hanya terdapat di dalam kitab-kitab fiqh di dalam bahasa Arab.

Seseorang itu tidak akan dapat menguasai undang-undang Islam terutama undang-undang keterangan, melainkan jika ia boleh menguasai bahasa Arab dengan baik.

Oleh kerana tidak ada undang-undang keterangan di dalam bahasa Melayu, yang lengkap lagi khusus untuk Mahkamah Kadi di Negara Brunei Darussalam, dan peguam-peguam ini pula tidak diberi latihan khusus (professional) di dalam pentadbiran undang-undang Islam dan dibekalkan dengan sewajarnya undang-undang keterangan Islam secara khusus dan undang-undang Islam secara umum. Dengan demikian masalah ini pun menjadi tambah rumit.

MENGATASI MASALAH

Untuk mengatasi atau sekurang-kurangnya mengurangkan masalah tersebut di atas beberapa langkah dari segi perundangan dan latihan perlu diambil.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah positif untuk mengubal cadangan draf Undang-undang Keterangan Mahkamah Kadi yang lebih sempurna, terperinci dan padat yang menjadikan hukum syarak sebagai rujukan terakhir.

Negeri-negeri di Persekutuan Malaysia seperti, Sarawak, Kelantan, Selangor, Kedah, Melaka dan lain-lain telah pun mempunyai dan melaksanakan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang lebih sempurna, terperinci dan padat seperti yang dihasratkan di atas.

Oleh kerana Negara Brunei Darussalam dan negeri-negeri ini mempunyai persamaan sejarah dan latar belakang perundangan hukum syarak, maka perundangannya di bidang ini bolehlah dimanfaatkan.

Undang-undang Keterangan Mahkamah Kadi yang akan digubal itu hendaklah seberapa boleh mempunyai persamaan dari segi penggubalnya dan juga kandungannya dengan undang-undang keterangan yang sedia ada.

Ini penting sebagai asas kepada usaha menyesuaikan undang-undang keterangan dengan kehendak Islam di masa akan datang.

Satu peruntukan yang jelas hendaklah dibuat untuk menjadikan hukum syarak sebagai rujukan terakhir dan muktamad di dalam keadaan di mana jika terdapat "lakuna" undang-undang atau jika terdapat percanggahan di dalam mana-mana peruntukannya dengan hukum syarak maka hukum syaraklah dipakainya dan peruntukan tersebut batal setakat mana ianya bercanggah.

Undang-undang tersebut eloklah digubal di dalam bahasa Melayu dan diterjemahkan dalam bahasa Inggeris. Gubalan di dalam bahasa Melayu eloklah dianggap sebagai yang berautoriti,

UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH KADI : SATU KEPERLUAN

MUKADIMAH

SESUATU percaraan itu tidak akan dapat mencapai matlamatnya untuk menegakkan keadilan dan memberikan hak kepada yang berhak jika ia tidak dikendalikan dengan adil dan saksama sehingga semua pihak bercakap benar dan memberikan keterangan dengan jujur dan ikhlas tanpa takut dan segan demi untuk mendapat kerediaan Allah Subhanahu Wataala, demikian antara lain pendapat Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, Pakar Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama, Negara Brunei Darussalam ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Undang-undang Keterangan Mahkamah Kadi : Satu Keperluan' dalam Seminar Sistem Kehakiman Syarak Negara Brunei Darussalam sempena sambutan awal tahun 1416 Hijrah pada 11 - 13 Muharam 1416 bersamaan 10 - 12 Jun 1995 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. — Penyunting.

jika terdapat apa-apa kebabaran atau kekeliruan maka varsi bahasa Melayu hendaklah dianggap varsi yang sah.

Ini kerana bahasa Mahkamah Kadi adalah bahasa Melayu, keseluruhan pihak-pihak yang terlibat di dalam sesuatu guaman atau percaraan di Mahkamah Kadi mengetahui dan menguasai bahasa Melayu, di samping ianya sebagai satu langkah ke arah lebih memantapkan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah dan undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Rancangan selanjutnya ialah latihan kepada pegawai-pegawai Mahkamah Kadi dalam jangka pendek dan panjang, dalam negara dan luar negara dan memilih pegawai yang sesuai dengan tugas dan kemampuan akademik.

Undang-undang Keterangan Mahkamah Kadi yang akan digubal itu hendaklah seberapa boleh mempunyai persamaan dari segi penggubalan dan kandungan dengan Undang-undang Keterangan Mahkamah Sivil yang sedia ada.

Ini penting untuk dijadikan sebagai asas kepada usaha menyesuaikan undang-undang keterangan Negara Brunei Darussalam dengan kehendak Islam di masa akan datang.

Mana-mana peruntukan yang bertentangan dengan hukum syarak dibuang dan mana-mana yang sesuai atau tidak bertentangan dengan hukum syarak diterima dan dikekalkan kerana sesuatu yang tidak bertentangan dengan hukum syarak adalah diterima oleh syarak.

Mana-mana yang memerlukan ubahsuaai maka pengubahsuaian perlu dilakukan agar ianya menepati kehendak hukum syarak.

Mana-mana yang memerlukan peruntukan baharu untuk menampung kekurangan seperti yang dikehendaki oleh hukum syarak maka diadakan peruntukan baharu untuk menampung kekurangan tersebut.

Satu peruntukan yang jelas menjadikan hukum syarak sebagai rujukan terakhir dan muktamad di dalam keadaan di mana jika terdapat lakuna undang-

undang atau jika terdapat percanggahan di dalam mana-mana peruntukannya dengan hukum syarak maka peruntukan tersebut terbatal setakat mana ia bercanggah dengan hukum syarak dan hukum syarak hendaklah dipakainya, perlu diadakan.

Dengan demikian Undang-undang Keterangan Mahkamah Kadi tadi dapat dipastikan yang ianya sesuai dengan hukum syarak dan tidak bertentangan dengannya.

Dengan peruntukan seperti yang dicadangkan di atas maka setiap prinsip dan jenis undang-undang keterangan Islam seperti, syahadah, baiyinaah, iqrar syahadah ala syahadah, syahadah bi al-tasamu', khabar mutawatir, khabar istifadah, khabar ahad, yamin, nukul a'n yamin, yamin al-mardudah, al-qiafah, ra'yu al-khabir, al-kitabah, al-qasamah, lian, ilmu al-qadi dan seterusnya, mempunyai ruang untuk digunakan, sesuai dengan kehendak hukum syarak.

Banyak pihak tertanya-tanya apakah sikap Islam terhadap persoalan-persoalan seperti berikut :

(1) Seorang lelaki telah memukul seorang ibu di hadapan anak-anaknya yang berumur sepuluh tahun, lapan tahun dan enam tahun, persoalan yang timbul bolehkah mahkamah mendengar, keterangan mereka sedangkan mereka masih belum baligh lagi, kalau mereka tidak dipanggil untuk memberi keterangan atau keterangan mereka ditolak mentah-mentah sudah pasti kes ini tidak boleh diselesaikan, keadilan akan berterusan dan orang yang memukul dan menceroob boleh berbuat sesuka hati, dan akan bermaharajalela. Persoalan yang timbul ialah bolehkah anak-anak yang belum baligh ini dipanggil oleh mahkamah untuk memberi keterangan, jika tidak, apakah caranya untuk menegakkan keadilan?

(2) Seorang suami telah hilang tidak diketahui ke mana perginya tanpa khabar berita, isterinya telah tidak mendapat nafkah zahir dan batin selama lebih dari setahun. Isteri tersebut telah tinggal bersama keluarganya sejak

SIRI TERAKHIR

suaminya menghilangkan diri. Oleh kerana sudah berputus asa mengenai kepulangan suaminya, tambahan pula hidupnya telah menderita kerana suaminya, gajal memberi nafkah, maka ianya pun memohon agar taklik yang difazkan oleh suaminya semasa akad nikah mereka disahkan agar ia boleh menuntut cerai berdasarkan taklik tersebut, semestinya mahkamah memerlukan saksi-saksi yang boleh menyokong tuntutan isteri tersebut. Malangnya ianya tidak mempunyai saksi-saksi selain dari ibu bapanya yang memang diketahui cuai melaksanakannya suruhan Allah subhanahu Wataala, dan anak-anaknya yang belum baligh, seperti yang dimaklumi syahid hendaklah adil, tiada tohmah, baligh dan rasyid. Ibu bapanya tidak adil keterangan mereka ada tohmah, anak-anaknya pula belum baligh dan rasyid. Apakah tidak wajar ibu bapa dan anak-anaknya dipanggil ke mahkamah untuk memberikan keterangan. Sedangkan jika mereka tidak memberi keterangan, hukuman adil tidak akan dapat dicapai dan keadilan akan berterusan. Jika dipanggil ianya tidak menepati syarat-syarat syahid?

(3) Seorang suami telah menceraikan isterinya di hadapan dua orang anaknya yang masih kecil tetapi mumaiz, di hadapan seorang buta dan seorang bisu yang walaupun ianya tidak boleh berkata-kata dengan lisan tetapi ianya boleh memberikan keterangan melalui isyarat yang difahami oleh mahkamah. Persoalan yang timbul ialah adakah kita boleh memanggil orang buta untuk memberikan syahadah tetapi tidak boleh memanggil orang bisu yang boleh memberikan keterangan dengan isyaratnya yang boleh difahami untuk memberikan keterangan, dan anak-anak mumaiz yang boleh memahami sesuatu dan mempunyai ingatan yang kuat mengenai kes tersebut dan boleh pula berkata-kata tidak dipanggil untuk memberi keterangan? Tidakkah tujuan percaraan anak gagal jika kita tidak memberi kesempatan kepada orang bisu dan kanak-kanak tadi untuk memberi keterangan, sedangkan kita menerima syahadah orang buta?

(4) Keterangan pakar yang bukan Muslim, keterangan orang fasiq, keterangan orang yang tidak gila tetapi hanya pelupa, keterangan ibu bagi anaknya, keterangan anak bagi ibu bapanya, keterangan suami bagi isterinya, keterangan sahabat bagi sahabatnya, keterangan rakan kongsi bagi rakan kongsinya, keterangan musuh ke atas musuhnya dan keterangan bukan Islam bagi atau ke atas orang bukan Islam. Adakah semuanya wajib ditolak mentah-mentah sedangkan adakalanya keterangan mereka memang diperlukan dan keadilan tidak akan dicapai dan keputusan tepat tidak akan diperolehi tanpa keterangan mereka ini. Adakah ditolak semata-mata kerana mereka tidak memenuhi syarat-syarat syahid?

Semua persoalan di atas tadi akan dapat dijawab dan diselesaikan dengan adanya Undang-undang Mahkamah Kadi yang disarankan ini.

Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia telah berjaya mengatasi dan menyelesaikan persoalan yang sama setelah mereka mempunyai Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang terperinci, jelas dan padat dengan menjadikan hukum syarak sebagai rujukan terakhir dan muktamad.

Undang-undang yang disarankan tersebut eloklah digubal dalam bahasa Melayu dan diterjemahkan ke bahasa Inggeris. Varsi di dalam bahasa Melayu eloklah dianggap sebagai varsi yang berautoriti, jika terdapat apa-apa kebabaran atau kekeliruan maka varsi bahasa Melayu lah yang dipakainya.

Ini perlu, kerana bahasa Mahkamah Kadi adalah bahasa Melayu dan keseluruhan pihak-pihak yang terlibat di dalam sesuatu guaman atau percaraan mengetahui dan menguasai bahasa Melayu, pihak yang mentadbir dan melaksanakannya undang-undang ini adalah fasih di dalam bahasa Melayu.

Dari segi lain pula ini adalah sebagai salah satu langkah ke arah lebih memantapkan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah dan perundangan di Negara Brunei Darussalam ini.

Pegawai-pegawai yang bertugas mentadbir dan melaksanakan undang-undang di Mahkamah Syariah, peguam-peguam yang terlibat di dalam mengendalikan kes-kes di Mahkamah Kadi, malahan seluruh pegawai perundangan dan kehakiman sivil dan syarak perlu didedahkan kepada undang-undang keterangan Islam dengan lebih luas, dan mendalam.

KESIMPULAN

Mahkamah-mahkamah Kadi di Negara Brunei Darussalam memerlukan undang-undang keterangan yang lebih sempurna, terperinci dan padat dengan menjadikan hukum syarak sebagai rujukan terakhir dan muktamad.

Bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa yang berautoriti di dalam penggubalan tersebut kerana Mahkamah Kadi telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa mahkamah.

Penggubalan undang-undang keterangan ini dalam jangka panjang bolehlah dijadikan asas kepada pengubahsuaian undang-undang keterangan Negara Brunei Darussalam dengan hukum syarak.

Pengalaman dan penggubalan negara-negara Islam terutama negara-negara jiran yang mempunyai latar belakang sejarah bahasa dan budaya perlulah diamal kiranya.

Latihan dan pendedahan secara profesional kepada pegawai-pegawai yang terlibat di dalam pelaksanaan dan pentadbiran undang-undang di Negara Brunei Darussalam sama ada sivil atau syarak kepada undang-undang keterangan Islam adalah perlu dilaksanakan dengan segera.

TERLANGGAR dia terhumban dan jatuh terseliah lalu terheret kemudian rebah bergolek dan tergesel lalu tertumpah minyak dan terbakar dan lebam dan bengkak dan bernanah dan berkuris dan berkeruping dan bernanah dan berdarah dan bengkak dan berkuris dan berkeruping lalu berubat dan berbalut.

Berbalutlah tubuhnya dengan kain putih kain kapas. Kapas menyumbat lubang kuris, lubang nanah. Nanah berbau busuk.

Busuk-busuk pun tetap juga dihidunya kerana terpaksa. Terpaksa kerana ia sudah jadi penghuni di bilik itu sekarang.

Sekarang ia duduk. Duduk santai tapi juga duduk menyesal. Menyesal kerana terbatas gerak. Geraknya hanya sekitar kawasan bilik.

Bilik itu lebih berupa penjara. Penjara pesalah jenayah mungkin lebih baik. Baik kerana ada orang boleh melawat dan dia bawa bercakap. Bercakap hal yang bukan-bukan.

Bukan hanya ia tidak dapat bercakap sekarang dan bukan juga kerana gerakannya terbatas tetapi yang paling menyulitkan fikiran dan perasaannya ialah ia sudah kehilangan muka.

Mukanya yang berbalut itu tidak mungkin menyamai gambar kad pengenalan yang sudah mansuh. Mansuh kerana ia tidak memperbaharunya ketika merantau ke Barat. Barat memusuhi Timur secara tradisinya. Tradisinya Barat menjadi ketua dan Timur menjadi kuli.

Kuli jalan yang tidak menurap tar dengan betul itu dipersalahkan ke atas kemalangan yang telah berlaku itu.

Itu hanya alasan.

Alasan-alasan yang dikemukakan oleh penguambelanya di Mahkamah



ULANG BICARA

OLEH
ZEFRIARIFF

Tinggi itu pula sungguh meyakinkan khalayak dan keputusannya dia tidak bersalah. Bersalah atau tidak bukan itu yang menjadi pokok bicara.

Bicaralah dia dengan dirinya sendiri. Sendiri-sendiri begitu rupanya lebih seksa daripada tidak melayan capak kawan kulinya dulu.

Dulu dia bebas bergerak, berjalan, berkata, memaki, menghamun, menyumpah, menyeranah, meludah. Meludah ke langit jatuh ke muka sendiri.

Sendirilah ia begitu menanggung seksa yang dicari dengan lantai.

Sendirinya bercakap dengan dinding dengan siling dengan lantai.

Lantai berubin mozek dengan warna hitam putih bagai papan catur itu memutarakan bola matanya.

Matanya juga tidak dapat terbuka lama. Lama juga rasanya masa berlalu meninggalkan kenangan.

Kenangan apalah yang dapat diabadikannya selagi

dia masih berada di dalam bilik itu berkurung seorang diri tanpa ada orang yang mahu menjenguk melawat kecuali doktor-doktor peribadinya yang di luar bilik begitu cepat rakus menuntut bil bayaran kepada setiausahanya yang cantik molek yang dulu ketika belum berada di tempat itu begitu setia dengannya ke mana saja dia berada.

Berada di dalam bilik itu telah memisahkannya dengan setiausaha itu yang kini mula menjauhkan diri.


Dirinya sudah jauh terpisah dengan dunia. Dunia luar menyepikan dirinya.

Dirinya jadi terasing. Terasing di sini hanya seperti menunggu mati, menanti nafas terputus.

Terputus bicara, terbeku langkah, terkaku gerak, itulah dia sekarang seorang orang diri mati di bilik sepi.

Sepi kerana tiada lagi pesta-pesta, kerana tiada lagi dansa-dansa, kerana tiada lagi minum-minum, kerana tiada lagi mabuk-mabuk, kerana tiada lagi seronok-seronok, kerana tiada lagi apa-apa.

Apa-apa pun yang akan terjadi akan ditanggungnya sendiri, begitu katanya



pada peguam yang sudah sedia menyalin tulis wasiat.

Wasiat pertama katanya. Katanya pertama di samping yang kedua.

Kedua jadi ketiga.

Ketiga keempat.

Keempat kelima

Kelima keenam.

Keenam ketujuh.

Ketujuh kelapan.

Kelapan kesembilan.

Kesembilan kesepuluh.

Kesepuluh pecahan wasiat siap tercatat semuanya.

Semuanya untuk dana. Dana tabung kebuluran, dana tabung pelarian, dana tabung kecacatan, dana tabung bencana alam, dana tabung kemasyarakatan, dana tabung kemiskinan, dana tabung AIDS, dana tabung pendidikan, dana tabung runcit dan Yayasan

MUKANYA yang berbalut itu tidak mungkin menyamai gambar kad pengenalan yang sudah mansuh. Mansuh kerana ia tidak memperbaharunya ketika merantau ke Barat. Barat memusuhi Timur secara tradisinya. Tradisinya Barat menjadi ketua dan Timur menjadi kuli.

Awanama.

Awanama.

Awanama.

Awanama tiba-tiba menjadi nama sebutan ramai orang. Orang bukan melihat, menghargai, mengata dirinya tetapi berebutkan harta tinggalan yang mungkin akan didanakan untuk orang ramai.

Orang ramai pun berpusu-pusu menghadap meja setiausahanya yang tidak lagi punya masa untuk mengurus melawa diri kerana masanya telah kesuntukan melayan permohonan mereka yang berketurunan ke situ.

Situlah mungkin dia akan menghabiskan sisa hayatnya kerana kemungkinan-kemungkinan untuknya hidup seperti biasa adalah tidak mungkin lagi.

Lagipun seluruh badannya yang melecur oleh api minyak bitumen penurap tar jalan itu menyebabkan badannya bengkak dan lebam dan bernanah dan berkuris dan berkeruping dan berdarah dan bernanah dan berdarah dan berbalut.

Berbalut seluruh tubuhnya sehingga tiada orang dapat mengenalinya lagi apatah lagi keadaan ini menyukarkan orang lain untuk berbicara dengannya kecuali seorang kulinya

DARI MUKA 4

yang mempunyai kelebihan berbicara dengannya secara telepati pada setiap pagi, setiap tengah hari, setiap petang, setiap tengah malam.

Malam pun tidak diketahuinya bila, kerana tiada jendela menembus dunia luar, kerana tiada jam, kerana tiada segala penanda waktu dan hari.

Hari-hari begitulah dia. Dia begitu. Begitulah dia.

Dia begitu sejak sekian lama. Lama kerana masa semacam tertangguh di dalam bilik itu sedangkan di luar orang telah lama meninggalkan masa, melupakan kenangan.

Kenangan manis semuanya sudah tawar. Tawar tiada rasa. Rasanya begitulah dia sehari-hari dikunjungi masuk para doktor dan kuli yang seorang itu.

Itu pun mereka hanya berbincang sulit di sudut bilik dengan kuli yang seorang itu tanpa memperdulikannya yang tetap tidak bergerak di situ. Situ mungkin akhirnya.

Akhirnya dan akhirnya.

Akhirnya tiba-tiba kegemparan berlaku apabila para doktor mengatakan dia sudah pulih seratus peratus dengan imej dan jiwa baru. Baru itulah pertama kali ia keluar dari bangunan rahsia itu.

Itu rahsia.

Rahsia yang tetap jadi rahsia. Rahsia dia rahsia. Berahsia rupanya ia selama ini. Inilah yang terjadi kepadanya.

Kepadanyalah ramai orang memohon dana. Dana itu. Itu ini. Ini memeningkan setiausaha.

Setiausaha cuba mencari kuli yang seorang itu yang sering menggamit bahunya setiap kali sebelum dan selepas masuk ke bilik itu.

Itu dicarinya.

Dicarinya setelah sekian lama tak jumpa tapi tak dapat, tak ketemu, tak terjejak, tak berbekas, tak tercatat.

Tercatat sesuatu pada fail yang sudah lama tertutup. Tertutup dan sekarang terbuka. Terbuka hatinya memasuki bilik itu dan menggeledah, menyelongkar, mengorek, mencari rahsia.

Rahsia sebenar tersembunyi di bilik tersebut. Tersebut sebarlah cerita bahawa yang sebenarnya dia sudah lama jadi kaku, jadi beku, jadi mayat.

Mayat berbalut. Berbalut kain putih. Kain putih bernanah dan berdarah sejuk.

Sejuk betul bilik itu sehingga tangannya yang memegang fail catatan itu hampir kebas, beku keputatan.

Kepucatan sungguh mukanya apabila mende-

ngar berita itu dan selepas saja setiausaha itu menelefonnya, ia tiba-tiba berubah menjadi tidak menentu dan memandu laju.

Laju di jalan. Jalan yang baru dibaiki diturap tar. Tar masih panas-panas di belakang trak. Trak-trak berjuntun membuang tar ke jalan.

Jalan di depan dilihatnya seolah-olah ternganga. Ternganga mulutnya bila cuba mengingat untuk mengucap menyebut nama Tuhan, nama Rasul. Rasul junjungan Allah.

Allah.

Allah.
Allah.

Allah Maha Besar, Maha Penyayang, Maha Pengamunya ia berserah membelakangkan segala apa yang pernah dilakukannya tanpa sadar, tanpa fikir, tanpa niat.

Niatnya cuma hendak menolong. Menolong dia yang tidak sempat apa-apa dulu.

Dulu sekarang memang berbeza memang berubah dan berubah dan jauh berubah. Berubah air mukanya mengenang semua itu dan kereta dipandunya

terus meluncur laju di jalan.

Jalan berombak dan ia tidak dapat mengawal diri lalu terbabas dan terlanggar.

Terlanggar ia terhumban dan jatuh terseliuh lalu terheret kemudian rebah bergolek dan tergesel lalu tertumpah minyak dan terbakar dan lebam dan bengkak dan bernanah dan berkuris dan berkeruping dan berdarah dan bengkak dan berkuris dan berkeruping lalu berubat dan berbalut.



PUISI

KEMATIAN

Sesungguhnya, segala makhluk hidup sedang menuju ke suatu pintu yang pasti akan dilaluinya yang tak seorang pun tahu kapan ia akan melaluinya tak ada muda, tak ada tua pasti, akan melaluinya mau, tidak mau ia, tetap akan datang juga yang datang tepat waktu di mana saja kapan saja.

Tak ada pintu lain yang menghubungkan alam dunia dengan alam akhirat pintu itu ialah kematian.

Hey insan janganlah terlena oleh gemerlapannya dunia sehingga engkau takut mati, dan lupa akhirat ingatlah hidup ini hanya sesaat dan sementara oleh itu gunakanlah waktu yang ada dengan amalan yang baik dengan keimanan dan ketakwaan yang ikhlas hanya melalui jalan-Nya engkau akan selamat di dunia dan akhirat.

Sesungguhnya setiap insan yang hidup pada awalnya suci dan bersih namun, kerana sebahagian tak dapat menahan nafsus kebinatangan dan syaitaniah

banyak yang terjerumus ke dalam lembah yang hina dan kotor sesungguhnya kebanyakan manusia tak tahan godaan dan rayuan syaitan mereka menganiaya dirinya sehingga merugi di dunia dan akhirat. Kematian pasti akan datang oleh-Nya kita dicipta kepada-Nya kita pasti akan kembali mudah-mudahan di akhir hayat kita menjadi hamba yang muttaqin dan ikhlas dan mendapat reda-Nya sehingga kita mendapat nikmat di akhirat.

Achmad Damiri.

AGAMA

Agama itu pegangan panduan dan pedoman untuk menuju matlamat hidup dunia akhirat. Muslimin Muslimat hayati dan amalkan ajaran agama yang suci yang diredai dan kita tidak akan ingkar amar makruf nahi mungkar.

ANAK

Anak itu gembira sekali melihat ibunya pulang membawa barang mainan.

Anak itu sedang bermain-main bersama mainannya pemberian dari ibunya.

Anak itu bermain mainannya begitu asyik bermain dan bermain lagi.

Anak itu betapa ibu dan ayahnya mengharap dan mendoakan selalu bila dewasanya nanti akan tahu dan bersyukur pada nikmat anugerah Ilahi.

TENTANG CINTA

Cinta itu indah sekali bertakhta dalam diri. Cinta itu amat suci tidak dapat ditukar ganti. Sesungguhnya - cinta itu nikmat Tuhan.

PERJALANAN II

Suatu hakikat perjalanan ini tidak akan menemui keakhiran -

dari semua persoalan yang ada dan mendatang meminta - jawapannya!

Pokoknya adalah manusia mahu hidup berakar umbi sedang di mana mahu ke mana akhirnya kehilangan jejak dan punca.

Tiada perjalanan lagi selain - menuju-Nya.

PENDIRIAN

Semalam - apa yang jadi telah terjadi tidak kukesalkan.

Kerana kau pun tahu kawan yang akrab senyum sinis hatinya prejudis.

Manusia! alam nyata wajah kawan diharu-birukan.

Esok - tidak kurangkan lagi antara dua penyair punya pendirian menuju kecemerlangan.

Rahim M. S.

SKIM LATIHAN JURUTERBANG DAN PELATIH JURUTERA

DENGAN kerjasama Unit Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei menawarkan dermasiswa bagi pemohon-pemohon untuk mengikuti Kursus Pelatih Juruterbang dan Pelatih Jurutera.

PELATIH JURUTERBANG


Keperluan dan Kelayakan :

Pemohon-pemohon mestilah :

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Berumur 18 tahun ke atas.
- Mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Peringkat Lanjutan ("A" Level) dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Ilmu Sains. Pemohon yang mempunyai (5) kredit Sijil Pelajaran Peringkat Biasa dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan dua mata pelajaran Ilmu Sains (Fizik dan Kimia) akan dipertimbangkan.
- Berbadan sihat dan mempunyai penglihatan yang jelas tanpa memakai kaca mata.

Latihan dan Kemajuan Kerjaya :

Pemohon yang berjaya akan menjalani kursus awal di United Kingdom selama 15 bulan untuk mendapatkan United Kingdom Civil Aviation Authority (CAA) Commercial Pilot Licence and Instrument Rating (CPL/IR) dan Frozen Air Transport Pilot Licence (ATPL). Setelah berjaya mendapatkan lesen penerbangan dan menamatkan kursus Fokker 50 Turbo Prop Aircraft, graduan-graduan akan diambil bertugas sebagai pembantu juruterbang percubaan. Kemajuan seterusnya kepada pesawat jet adalah tertakluk kepada lulus ujian kursus peralihan yang berkaitan.



PELATIH JURUTERA

Keperluan dan Kelayakan :

Pemohon-pemohon mestilah :

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Berumur 18 tahun ke atas.
- Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) kredit Sijil Pelajaran Peringkat Biasa ("O" Level) dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan Ilmu Sains. Pemohon-pemohon yang mempunyai Sijil Pelajaran Peringkat Lanjutan ("A" Level) dan/atau pernah mengikuti kursus di sekolah teknikal adalah merupakan satu kelebihan.
- Berbadan sihat dan mempunyai penglihatan yang baik.

Latihan dan Kemajuan Kerjaya :


Setelah menjalani kursus pembiasaan di beberapa bahagian di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, pemohon-pemohon yang berjaya akan mengikuti kursus secara teori dan praktikal di teknikal institut, United Kingdom selama empat tahun. Setelah lulus, graduan-graduan akan dikehendaki menambah kemahiran dan pengalaman bekerja dengan berlainan jenis kapal terbang Penerbangan Diraja Brunei dan seterusnya mengikuti kursus untuk B757, B767 dan jenis kapal terbang Fokker 50 sebagaimana dikehendaki.

PERMOHONAN SECARA BERTULIS UNTUK JAWATAN-JAWATAN DI ATAS MESTILAH DISERTAKAN DENGAN DATA PERIBADI, SALINAN SIJIL PERSEKOLAHAN, DOKUMEN-DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN DAN DIHANTAR KEPADA :

Jabatan Sumber Kakitangan dan Perkhidmatan,
Syarikat Penerbangan Diraja Brunei,
Peti Surat 737,
Bandar Seri Begawan 1907,
Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP PENERIMAAN : 22 JANUARI, 1996

(Perhatian : Hanya pemohon-pemohon terpilih akan dihubungi).



IKLAN-IKLAN إعلان-إعلان

JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-syarat Tawaran :-

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat (1) Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Selasa (seperti tarikh yang telah ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi Tawaran Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, bolehlah diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran bagi :-
- i) Kelas "VI" = \$5,000.00/\$10,000.00
 - ii) Kelas "V" = \$1,000.00
 - iii) Kelas "IV" = \$500.00
 - iv) Kelas "III" = \$200.00
 - v) Kelas "II" = \$100.00
 - vi) Lukisan = \$100.00

6. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Dari pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas III ke atas dalam kategori 4 dan 7 (Mechanical and Electrical).
Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 8 Januari, 1996
Tarikh Tutup : 16 Januari, 1996, Hari Selasa

BIL : JKR/DDS 042/1995 (SEW)

MENAMBAH KELENGKAPAN PAM NO.6 DI STESEN PAM JALAN RESIDENCY, BANDAR SERI BEGAWAN.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$200.00
Cagaran Lukisan : \$100.00.

DARI pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas V & VI (Kategori 1) sahaja.
Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 8 Januari, 1996
Tarikh Tutup : 9 Januari, 1996

BIL : JKRDB/SKB 063/1995 (RETENDER)

PEMBINAAN JALAN-JALAN BARU DAERAH KE MERANGKING/BUAU/BIADONG/SUKANG DARI KM 9 + 000 KE KM 24 + 000, KUALA BELAIT (FASA 1A).

(NOMBOR PROJEK : AR 707/1701)
Cagaran Tawaran : \$5,000.00 + \$100.00 (Lukisan)

DARI pemborong-pemborong yang berdaftar kelas III, IV & V Kategori 2 sahaja.
Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 8 Januari, 1996
Tarikh Tutup : 9 Januari, 1996

BIL : JKRDB/SEB 024/1995

CADANGAN DEWAN SEKOLAH RENDAH JUNJONGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

(NOMBOR PROJEK : 95DBSEB/PEL.02)
Cagaran Tawaran : \$500.00 + \$200.00 (Lukisan)

DARI pemborong-pemborong yang berdaftar kelas II, III & IV Kategori 6(d) sahaja.
Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 9 Januari, 1996
Tarikh Tutup : 9 Januari, 1996

BIL : JKR/DOD/54/1995 (PIA)

TAMBAHAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SUKAN DI MENGLAIT - PEMBEKAL & PEMASANGAN SPORTS FLOOR DAN LOOSE FURNITURE.

(NOMBOR PROJEK : JKR/AD618/2001)
Cagaran Tawaran : \$200.00

DARI pemborong-pemborong yang berdaftar kelas II & III Kategori 5(f) sahaja.
Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 8 Januari, 1996
Tarikh Tutup : 9 Januari, 1996

BIL : JKR/DOD/55/1995 (ASASREKA)

BANGUNAN JABATAN AUDIT, UNIT PETROLEUM DAN JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN JPM, BSB, LANDSCAPING (NOMINATED SUB-CONTRACT).

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$100.00

DARI pemborong-pemborong yang berdaftar kelas I, II dan III dalam Kategori 1 sahaja
Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 8 Januari, 1996
Tarikh Tutup : 9 Januari, 1996

BIL : JKR/DOR/SRM/052/1995

MENGGANTI JAMBATAN KAYU YANG SEDIA ADA DI JALAN TANAH JAMBU 2 DENGAN PATI KALBAT KONKRIT.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$100.00 + \$100.00 (Lukisan)

DARI pemborong yang berdaftar Kelas III, IV dan V dalam Kategori 1 sahaja.
Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 8 Januari, 1996
Tarikh Tutup : 9 Januari, 1996

BIL : JKR/DOR/SRM 053/1995

MEMBINA PARIT KONKRIT DI JALAN KECIL TANAH JAMBU (SIMPANG 835/SIMPANG 969/SIMPANG 1029 JALAN MUARA).

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$500.00 + \$100.00 (Lukisan).

DARI pemborong yang berkelayakan yang berdaftar Kelas III, ke atas dalam Kategori 3 sahaja.

Hingga jam 2.00 petang : 9 Januari, 1996 (hari Sabtu)
Tarikh Tutup : 16 Januari, 1996, (hari Selasa)

BIL : JKR/DDS 044/1995 (SEW)

PEMBAIKAN DAN PENGANTIAN SISTEM ELEKTRIK PEMBETUNGAN DI KHEMAH BERAKAS - STATION 1.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$200.00.

DARI pemborong-pemborong yang berkelayakan yang berdaftar Kelas III ke atas dalam Kategori 4G, 6F & 6G.

Hingga jam 2.00 petang : 27 Januari, 1996 (hari Sabtu)
Tarikh Tutup : 30 Januari, 1996, (hari Selasa)

BIL : JKR/DDS 045/1995 (SEW)

PEMBAIKAN PAM PEMBETUNGAN DI STESEN LIFT.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$200.00.

DARI pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas III ke atas dalam Kategori 4d.
Hingga jam 2.00 petang hari Sabtu : 30 Disember, 1995
Tarikh Tutup : 2 Januari, 1996, Hari Selasa

BIL : JKR/DDS 043/1995 (CDI)

KAWALAN PENCEMARAN SUNGAI KEDAYAAN.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$200.00
Cagaran Lukisan : \$100.00.

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan dalam iklan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan bilangan projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah dilihat diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Ukur Bahan, Cawangan Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BILANGAN PROJEK : JKP/32/1995

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas "V" Kategori 2 untuk.

Projek : PROPOSED 40 HOUSES FOR KG. RIMBA CONTRACT H10.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Bahagian Ukur Bahan, Cawangan Lambak Kanan, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.00 petang hari Isnin 8 Januari, 1996.

Tarikh Buka : 20 Disember, 1995 (Rabu)

Tarikh Tutup : 9 Januari, 1996 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang.

Tempat tutup : Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, 1190, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran tawaran : \$1,000.00

Harga Lukisan : \$170.00

Harga Dokumen : \$40.00

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG

No./TA/16/1995

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Suhailli bin Abdullah d/a/Rumah Sakit, Hospital Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Awang Nawih bin Awang Antau yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 10 Januari, 1996 pada jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhad di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perceraian itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Siapa yang berhasrat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Tutong sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 14 Disember, 1995

DARI pembekal yang diluluskan sahaja
Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 15 Januari, 1996
Tarikh Tutup : 16 Januari, 1996

BIL : JKR/DWS/001/1996

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 492, DRUMS CECAIR KLORID (1,000 KG DRUM) UNTUK LOJI-LOJI PENAPIS AIR - 1996.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$500.00.

DARI pembekal yang diluluskan sahaja.
Hingga jam 10.00 pagi hari Sabtu : 20 Januari, 1996

Tarikh Tutup : 23 Januari, 1996.

BIL : JKR/DWS/002/1996

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 8,700 METRIC TONNES KAPUR BERAT UNTUK LOJI-LOGI PENAPISAN AIR - 1996.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$500.00.

DARI pembekal yang diluluskan sahaja.
Hingga jam 10.00 pagi hari Sabtu : 20 Januari, 1996

Tarikh Tutup : 23 Januari, 1996.

BIL : JKR/DWS/003/1996

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 2,400 METRIC TONNES KAPUR RINGAN UNTUK LOJI-LOGI PENAPISAN AIR - 1996.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$500.00.

Pemborong yang berkemahiran dalam Kategori 7C sahaja.

Hingga jam 10.00 pagi hari Sabtu : 20 Januari, 1996

Tarikh Tutup : 23 Januari, 1996.

BIL : JKR/DWS/004/1996

MEMBEKAL DAN PEMASANGAN MOTOR HIT 11KV DI STESEN PAM BOOSTER GADONG.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$200.00.

DARI pemborong yang berdaftar Kelas II, III dan IV dalam Kategori 1 sahaja.

Hingga jam 2.00 petang hari Isnin : 15 Januari, 1996

Tarikh Tutup : 16 Januari, 1996.

BIL : JKR/DOR/SRM 054/1995

MEMPERBAIKI JALAN BUKIT PANGGAL SIMPANG JALAN TUTONG DI DAERAH BRUNEI-MUARA.

(NOMBOR PROJEK :)
Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan).

TAWARAN RUANG KEDAI DI TINGKAT BAWAH BANGUNAN TEKSI TERMINAL KUALA BELAIT LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa untuk menyewa Ruang Kedai di Tingkat Bawah Bangunan Teksi Terminal, Kuala Belait bagi Rakyat dan Penduduk Tetap yang tinggal di Daerah Belait sahaja.
2. Tawaran adalah untuk tempoh tiga tahun mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani.
3. Penyewa (Pengurus) adalah dikehendaki menyatakan tawaran sewanya bagi satu (1) bulan dengan menulis angka diikuti dengan perkataan.
4. Barang yang dibenarkan dijual adalah seperti surat-khabar, majalah, buku, makanan ringan dan minuman ringan (food kiosk) dan lain-lain jenis barang-barang yang akan dijual mestilah dinyatakan juga.
5. Sebelum membuat tawaran, contoh perjanjian dapat dilihat di Bahagian Pendaftaran (Setiasaha Lembaga Bandaran), Tingkat 1, Kuala Belait, semasa waktu bertugas.
6. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Names Act) Bab-bab 16 dan 17 mestilah disertakan.
7. Wang cagaran \$200.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya.
8. Tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan pengenalan di luarnya : "TAWARAN RUANG KEDAI DI TINGKAT BAWAH BANGUNAN TEKSI TERMINAL, KUALA BELAIT" tanpa membubuh nama penawar diluar sampul surat.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran yang disediakan di tingkat bawah bangunan Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Belait sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 15 Januari, 1996.
10. Pengalaman-pengalaman dalam mengurus kedai jika ada, hendaklah disertakan.
11. Borang tawaran bolehlah didapati di Bahagian Kewangan, Pejabat Bandaran Kuala Belait.
12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Bilangan Tawaran : JPE/IPS/16/1995

Tajuk Kerja : ELECTRICAL DISTRIBUTION WORKS FOR MUNICIPAL H FLATS AT KAMPONG BENGKURONG.

Tarikh Tutup : 30 Januari, 1996 hari Selasa jam 2.00 petang.

Cagaran : \$100.00.

Bayaran Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan)

Tempat Tutup : Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 3 (Tiga) Pejabat Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Kelayakan pemborong : Kelas III, Kategori 7B & 7C.

Peringatan : Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تليزيون

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
www.rtb.com.brunei
jika rancangan

RABU 3 JANUARI

PAGI

- 6.00 PEMBUKAAN/LAGU
KEBANGSAAN
6.02 AL-QURAN
6.12 SUSUNAN RANCANGAN
6.15 RAMPAI PAGI -
(Siaran Langsung)
6.30 BERITA RAMPAI PAGI
6.35 RAMPAI PAGI -
Sambungan
9.00 BERITA RAMPAI PAGI
10.00 SIARAN TAMAT

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU
KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 SMURFS
4.40 ADVENTURES IN
WONDERLANDS
'Something To Sneeze At'
5.05 BILL NYE, THE SCIENCE
GUY - 'Outer Space
(Distance)'
5.30 FULL HOUSE - 'Designing
Mothers'
5.45 BERITA RINGKAS
5.50 FULL HOUSE - Sambungan
6.05 SITI ZULAIHA
6.20 AZAN MAGHRIB
6.25 AL-QURAN
6.35 SITI ZULAIHA -
Sambungan
6.50 AT TAUFIQ

MALAM

- 7.00 LIPUTAN SEMASA
7.30 ALL AMERICAN GIRL -
'Take My Family Please'
7.35 AZAN ISYAK
7.40 ALL AMERICAN GIRL -
Sambungan
8.00 BERITA NASIONAL
8.35 DRAMA: TITIAN PELANGI
9.05 THE X-FILES - 'The
Calusari'
10.00 NEWS AT 10
10.35 NADWAH
11.30 RENEGADE YR.2
